

PAS gunakan isu agama bukan kerana sayangkan Islam-PM

UM 4 DEC 1984

Oleh Kamal Zailani

SHAH ALAM 3 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa PAS menggunakan isu agama bukan kerana sayang pada agama Islam tetapi kerana agama adalah satu alat yang begitu berkhas untuk menarik sokongan kepada parti mereka.

PAS, tegas Perdana Menteri, sengaja mengejek UMNO dan kerajaan, bukan kerana mereka tidak tahu UMNO yang melindungi agama Islam, UMNO yang mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu, tetapi kerana mereka berpendapat kalau UMNO dapat ditolak oleh rakyat maka PAS akan memperoleh kemenangan.

"Satu daripada cara mereka ialah dengan mendesak supaya UMNO bertindak dengan cara tidak Islam tetapi kata mereka cara Islam," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir dengan disambut oleh laungan 'Hidup Mahathir, Hidup Mahathir' oleh

lebih 10,000 rakyat Selangor yang membanjiri pekarangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini petang ini.

Beliau yang memulakan lawatan rasmi dua hari ke Selangor menambah PAS kononnya hendak mendirikan negara Islam, mengikut tafsiran mereka sendiri. Kata PAS negara ini tidak Islam, tetapi apabila PAS negara manakah yang mereka anggap Islam, maka PAS tidak mempunyai jawapan.

Kata Perdana Menteri, PAS cuma berkata bahawa UMNO itu tidak Islam oleh kerana itu maka UMNO adalah daripada golongan yang tidak boleh diberi kepercayaan oleh orang-orang Islam khususnya orang-

orang Melayu.

PAS, tegas beliau, mendedak supaya UMNO membuat pengisytiharan iaitu UMNO akan mengislamkan negara ini tetapi UMNO tahu niat PAS yang sebenarnya, mereka mahu melihat okongan yang diperoleh oleh UMNO dari parti-parti lain akan hilang dan mungkin akan berpaling kepada PAS.

"Parti PAS ini adalah sebuah parti yang tidak mempunyai prinsip sama sekali dan mereka sanggup melihat perpecahan berlaku semata-mata untuk memegang kuasa," kata beliau.

Menurut beliau, UMNO tahu PAS cuba memaksa UMNO supaya menolak segala undang-undang yang ada dalam negara ini untuk digantikan dengan undang-undang yang dikatakan oleh PAS sebagai undang-undang Islam.

Dengan kata ini katanya, PAS berharap akan berkulah pemberontakan dalam Barisan Nasional sehingga terpecahlah Barisan Nasional dan kemenangan akan berpijak kepada parti PAS.

Jelas Datuk Sri Dr. Mahathir, UMNO memerintah negara ini seperti yang dikehenduki oleh agama Murni, iaitu berlaku adil kepada semua pihak dan memang ini yang diutamakan oleh pemertintahan Islam.

Beliau menyatakan, tidak ada sebab mengapa kerajaan mesti menekan orang-orang bukan Islam di dalam negara ini dengan undang-undang yang tidak disuruh oleh agama Islam sendiri.

"Kita sewajarnya berlaku adil kepada semua pihak di dalam negara ini supaya rakyat akan terus dapat menikmati nikmat kedamaian yang dibrikan oleh Tuhan," katanya.

UMNO, kata Perdana Menteri, yang berada dalam Barisan Nasional akan menentukan bahawa segala kehendak agama Islam tidak diketepikan, tetapi sebatikanya keadilan akan dijamin oleh UMNO supaya agama Islam dan kedudukan orang-orang Islam dalam negara ini tidak akan terancam.

Perdana Menteri mahu supaya rakyat menyingkirkan orang-orang yang membawa dakyah-dakyah palsu ini dan orang-orang yang suka mengkafirkan orang-orang Islam yang lain.

Selain daripada PAS, kata beliau, DAP juga sering menjadikan semua isu sebagai isu perkauman. Ti-

dak ada satu pun yang dibuat oleh kerajaan yang dikatakan baik oleh DAP.

Emosi.

Beliau menyatakan, niat DAP adalah semata-mata untuk mencari jalan supaya perpaduan yang terdapat dalam Barisan Nasional dapat dipcahbelahkan kerana DAP menyendirikan selagiada MCA, MIC dan Gerakan dalam Barisan Nasional maka mereka akan terus mengalami kekalahan demi kekalahan.

"Mereka ini tidak puas hati dengan keadaan aman damai sebaliknya, cuba membangkitkan perasaan, dun emosi yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan kaum-kaum yang ada di dalam negara ini," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat dapat melihat buhuhu DAP suka membangkitkan soal-soal yang membawa kepada kegelisahan di kalangan rakyat dan sentiasa mencari bermae-am - mae-am isu yang mereka hembus untuk menjadi satu bara yang akhirnya menjadi api yang boleh membakar negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir mendedahkan, DAP dan kaum-kaum ekstrimis ini mencari pembangunan di sana sini dan mereka membuat tafsiran bahawa pembangunan ini ialah satu eafa untuk menindaskan satu kaum.

Oleh kerana tindakan mereka ini, tegas beliau, maka kadang-kadang terdapat juga di kalangan ahli Barisan Nasional melatah; menyambut seruan mereka; mengikuti eafa pemikiran mereka sehingga menjadi pengganggu perpaduan yang terjalin antara Barisan Nasional.

Menurut Perdana Menteri, dalam keghairahan puak-puak ekstrimis ini mengejar sesuatu, mereka lupa akan nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan, iaitu kemakmuran dan sengaja membangkitkan masalah yang boleh membawa kepada malapetaka kepada negara.